

Satu Perak dan Satu Gangsa dari Seoul, Korea Selatan.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menyertai Seoul International Invention Fair (SIIF) 2009 yang berlangsung pada 3 sehingga 7 Disember 2009, bertempat di Pacific Hall, COEX Seoul, Korea Selatan. Acara tahunan ini merupakan yang terbesar di Asia dan disertai oleh penyelidik dari negara-negara seperti Taiwan, Malaysia, Iran dan lain-lain lagi.

2009 merupakan tahun kedua UniMAP menyertai SIIF dan pada kali ini sebanyak empat produk penyelidikan telah dipertandingkan. Hasilnya UniMAP telah berjaya memenangi satu perak dan satu gangsa di mana pingat perak disumbangkan melalui produk penyelidikan 'Coconut Shell Powder Particle Board' oleh Dr. Ir. Salmah Hussienyash dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan. Manakala pingat gangsa telah dimenangi

oleh Abdul Haqi Ibrahim dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dengan hasil penyelidikannya, 'CS Brick'.



Kejayaan di SIIF kali ini adalah penutup kepada rentetan kejayaan manis para penyelidik UniMAP yang telah menyertai pelbagai pertandingan rekacipta dan

inovasi di peringkat antarabangsa dalam tahun 2009. Antaranya di Switzerland, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman dan yang terakhir di Korea Selatan. Ini turut membuktikan bahawa komitmen UniMAP di dalam mengenengahkan produk-produk penyelidikan berkualiti yang dihasilkan oleh para penyelidik UniMAP. Ia sekaligus dapat memperkenalkan lagi nama UniMAP di persada antarabangsa.